

# UniMAP - UUI Perbanyakkan Kerjasama

ANTARABANGSA

Kerjasama erat yang terjalin antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universitas Ubudiyah Indonesia (UUI) di Aceh akan lebih melonjak melalui pelaksanaan lebih banyak usaha secara bersama, demikian titah DYTM Tuanku Syed Faizuddin yang juga Canselor UniMAP bertitah selepas berkenan merasmikan sebuah bangunan tiga tingkat yang diberi nama 'Gedung Perkuliahan Tarmizi bin Ayus' di kampus utama UUI, Banda Aceh. Turut hadir ketua Yayasan Ubudiyah, Dedi Zefrizal serta Rektor UUI, Marniati Kes. UniMAP akan membantu menyusun semula kurikulum bersangkutan program yang ditawarkan serta menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran di UUI berdasarkan kaedah dan amalan UniMAP. Bantuan ini diteruskan dengan meningkatkan penglibatan bersama dalam

bidang penyelidikan antara UniMAP dan UUI selain tenaga pengajar UniMAP memberi syarahan atau kuliah di UUI dari semasa ke semasa. Pada majlis itu, DYTM Tuanku Syed Faizuddin turut berkenan menyempurnakan majlis pecah tanah pembinaan sebuah kincir angin sumbangan anak Perlis, Tariq Husni yang merupakan pengurus projek di Mechanical Training Solutions Sdn. Bhd. Malaysia kepada UUI.

